

**Dari Keadilan Raja Kepada Undang-Undang Agama: Perkembangan Semasa Islam di Brunei  
(From Royal Justice to Religious Law: The Current Development of Islam in Brunei)**

Siti Zubaidah Ismail\* & Norasiah Awang Haji Amai\*\*

**Abstrak**

Apabila Islam telah diterima sebagai agama bagi raja dan rakyat, maka lahirlah sebuah negara baru yang membawa tertubuhnya sebuah Kerajaan Kesultanan Melayu Islam yang kekal hingga kini dikenali sebagai Negara Brunei Darussalam. Pemerintahan sistem beraja atau monarki yang bersandarkan ajaran Islam sebagai dasar undang-undang negara kekal hingga sekarang, sungguhpun pernah mengalami zaman kemalapan akibat campur tangan penjajah. Pelbagai penulisan telah dibuat berkenaan sejarah perkembangan Islam di Brunei, namun masih sedikit yang membincangkan secara khusus tentang undang-undang kesalahan jenayah syariah. Justeru, artikel ini membincangkan sejarah perkembangan peruntukan undang-undang kesalahan jenayah syariah dengan memfokuskan asal usul peruntukan-peruntukan ini sejak awal sehingga wujudnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Artikel ini juga memberikan sumbangan yang signifikan terhadap bidang sejarah undang-undang Islam dengan memperlihatkan peranan para Sultan dalam usaha memperkasakan undang-undang Islam secara menyeluruh.

**Kata kunci:** Keadilan Raja, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, Undang-Undang Islam, Melayu Islam Beraja, Hukum Kanun Brunei

**Abstract**

*When Islam was accepted as the religion of the nation, embraced by the royal and their subjects, a new country was born and emerged as the Kesultanan Melayu Islam (Islamic Malay Sultanate) and known in the present day as Brunei Darussalam. The Brunei monarchy made the Islamic teachings and tenets as the basis to form the state law and remains so until now, despite the fact that it used to be referred to personal law by the colonial power during the British era in Borneo. Scholars have been focusing on the history and development of Islamic law in Brunei but rarely discuss on the history of criminal legislation, particularly on the development of syariah criminal offences. As such, this article discusses that aspect in order to examine the history and the development of what is known today as syariah criminal offences in Brunei in light of the Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. To this end, this article contributes significantly in the area of the Islamic legal history in Brunei by exposing the importance of the Sultans in empowering Islamic law in the country as a whole.*

**Keywords:** royal justice, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, Islamic law, Melayu Islam Beraja, Brunei Penal Code

**Pengenalan**

Negara Brunei Darussalam pada hari ini merupakan cerminan gambaran sebenar sebuah kerajaan Kesultanan Melayu Brunei pada masa silam. Pada abad ke-13 hingga ke-16 telah menyaksikan perkembangan Islam di Asia Tenggara di antara kewujudan kepercayaan Hindu yang telah lama dianuti oleh penduduk di Alam Melayu.<sup>1</sup> Pada sekitar abad ke-14 (1363-1402), pemerintahan bersultan yang berpegang kepada ajaran-ajaran Islam telah diasaskan oleh Sultan pertama Brunei, iaitu Awang Alak Betatar yang memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah (1363-1402). Baginda menjadikan Islam sebagai agama rasmi bagi raja dan rakyat seterusnya mengislamkan negara Brunei. Pelaksanaan undang-undang Islam mula dilaksanakan dan menonjol pada zaman

\* Siti Zubaidah Ismail (corresponding author), Associate Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: szubaida@um.edu.my.

\*\* Norasiah Awang Haji Amai, PhD candidate, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia and Lecturer, Faculty of Syariah and Law, Sultan Sharif Ali Islamic University, Brunei Darussalam. Email: norasiah.hjamai@unissa.edu.bn.

<sup>1</sup> Haji Mahmud Saedon A. Othman (2002), "Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, Jil. 2, Bil. 2, h. 2.

pemerintahan Sultan Sharif Ali (1425–1432) kemudian diteruskan oleh sultan-sultan selepas Baginda. Agama Islam terus tersebar di Kepulauan Borneo di bawah kepimpinan Sultan Brunei ke-5, iaitu Sultan Bolkiah (1485–1524) dengan menakluki beberapa buah Kepulauan Melayu seperti Mindanao, Suluk dan Salundang (Filipina kini), serta beberapa kawasan pesisir kepulauan Borneo.

Boleh dikatakan seluruh Kepulauan Borneo dan sebahagian besar selatan Kepulauan Filipina dikuasai oleh Brunei.<sup>2</sup> Kemudian, pada zaman pemerintahan Sultan Brunei ke-9, iaitu Sultan Hasan (1582-1598), Baginda telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Hukum Kanun Brunei sebagai undang-undang Islam yang menjadi dasar pemerintahan kerajaan Brunei pada ketika itu.<sup>3</sup> Sejak itu, undang-undang Islam telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga kedatangan British ke Brunei pada tahun 1847. Tujuan asal adalah bagi menjalinkan hubungan rasmi melalui Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan 1847 yang telah ditandatangani oleh kedua buah negara bagi peringkat permulaan.<sup>4</sup> Rentetan daripada itu, beberapa perjanjian lain juga telah ditandatangani seperti Perjanjian Perlindungan 1888 sehingga wujudnya perjanjian tambahan 1905/1906<sup>5</sup> dengan penerimaan sistem Residen antara tahun 1906 hingga 1959 yang membawa perubahan ketara terhadap undang-undang Negara Brunei Darussalam. Melalui Perjanjian-Perjanjian tersebut, bermulalah perubahan dalam membentuk semula fahaman dan pandangan dalam pentadbiran negara mengikut fikiran British. Namun, dengan wujudnya prinsip Kesultanan Melayu Islam kini dikenali sebagai Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah menjadi falsafah Negara Brunei Darussalam sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah<sup>6</sup>, ianya telah berjaya mempertahankan nilai-nilai Islam, budaya, adat resam serta institusi kesultanan termasuk juga perundangannya sejak 650 tahun yang lalu berlandaskan hukum syarak.

Pengislaman Sultan Muhammad Shah secara mutlak menjadikannya sebagai Sultan Brunei yang pertama mengetuai rakyat Melayu Brunei dengan menerapkan cara hidup berasaskan agama Islam secara beransur-ansur dan berkekalan hingga sekarang. Dengan konsep MIB kini, Negara Brunei Darussalam dapat mengekalkan serta mengamalkan undang-undang Islam sepenuhnya secara berperingkat yang membawa kebaikan serta kesejahteraan kepada rakyat di negara ini. Artikel ini mengulas peranan Sultan Brunei dalam usaha memajukan undang-undang jenayah Islam dari dulu hingga kini. Artikel ini menelusuri sejarah bermulanya pelaksanaan Undang-Undang Islam di Brunei, pada asalnya ia telahpun berkembang semasa fasa pertama sebelum kedatangan British. Namun, pemakaian undang-undang Islam mula dihadkan pada fasa kedua ketika British campur tangan dalam sistem perundangan di Brunei seterusnya kembali berkembang semula pada fasa ketiga setelah Brunei mencapai kemerdekaan. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan Undang-Undang Islam di Brunei, para Sultan Brunei tetap berpegang teguh dengan menjadikan Undang-Undang Islam sebagai asas perundangan negara.

## **Pengukuhan Islam dan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam**

Secara amnya, kewujudan dan perkembangan undang-undang Islam telah mengembangkan perundangan jenayah Islam di Brunei. Perkembangan tersebut boleh dilihat dalam tiga fasa, iaitu fasa sebelum kedatangan British, fasa selepas kedatangan British dan fasa setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan.

### ***Fasa Pertama: Sebelum Kedatangan British (1363-1847)***

Undang-Undang Islam telah dilaksanakan di Negara Brunei sejak pengislaman Awang Alak Betatar dengan menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shah (1363-1402).<sup>7</sup> Pemakaian dan pelaksanaan

---

<sup>2</sup> P. H. Mohammad Abd. Rahman (2011), *Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774 – 1984)*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

<sup>3</sup> Haji Sulaiman Haji Duraman (2016), "Islam Sebagai Cara Hidup: Pengalaman Negara Brunei Darussalam," dalam *Melayu Islam Beraja Satu Interpretasi*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45. Terdapat tiga teori yang menyatakan bahawa Hukum Kanun Brunei berkemungkinan mula ditulis dan dilaksanakan pada zaman pemerintahan tiga Sultan Brunei, iaitu Sultan Sharif Ali (1425-1432), Sultan Saiful Rizal (1533-1581) dan Sultan Hasan (1582-1598).

<sup>4</sup> Nani Suryani Hj. Abu Bakar dan Hj. Awg Asbol bin Hai Mail (2018), "Sumber Sejarah Brunei di *The National Archives*, United Kingdom," *Jurnal Darussalam*, Jil. 18, h. 8.

<sup>5</sup> Awang Ismail Haji Awang Nordin (2013), "Perjanjian 1888: Suatu Harapan dan Kekecewaan," dalam Haji Rosli Haji Ampal dan Salina Haji Jaafar (ed.), *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III: 100 Tahun Hubungan Brunei-British (1906–2006)*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, h. 105.

<sup>6</sup> Haji Tassim bin Haji Abu Bakar (2019), "Hukum Kanun Brunei Hubungannya dengan Konsep Melayu Islam Beraja," *Kertas Kerja Majlis Ilmu* 2019, h. 5.

<sup>7</sup> Hajjah Sa'adiyah Datu Derma Wijaya Haji Tamit (2006), "Sejarah Perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Darussalam*, Jil. 6, h. 101.

hukum syarak terus dilaksanakan dan semakin kukuh pada zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali (1425-1432).<sup>8</sup> Pada awal pemerintahannya, Baginda berusaha mengukuhkan ajaran agama Islam dengan menerapkan pentadbiran undang-undang mengikut hukum syarak.<sup>9</sup> Dalam *Silsilah Raja-Raja Berunai*, pengarangnya menyebut: "...Maka Sharif Ali itulah kerajaan, dinamakan akan dia Paduka Seri Sultan Berkat dan ialah mengeraskan shari'at Rasul Allah s.a.w dan berbuat masjid."<sup>10</sup> Sejak itu, undang-undang Islam berterusan digunakan secara berperingkat hingga terbentuk Hukum Kanun Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Hasan (1582-1598) yang dijadikan sebagai undang-undang Islam dan dasar pemerintahan kerajaan Brunei.<sup>11</sup>

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Kahar ibni Sultan Bolkuah (1524-1530),<sup>12</sup> Baginda telah menguatkan Undang-Undang Adat yang juga dipanggil Undang-Undang Resam.<sup>13</sup> Walaupun Sultan-Sultan terdahulu telah mengamalkan Hukum Kanun tetapi Baginda berpendapat, penggunaan Undang-Undang Resam bersama dengan Hukum Kanun lebih mendatangkan kebaikan kepada rakyat.<sup>14</sup>

Bermula abad ke -15, terdapat dua naskhah undang-undang bertulis utama yang diwartakan, iaitu Hukum Kanun Brunei yang dipercayai mula ditulis dan dilaksanakan pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali (1425-1432). Yang kedua ialah Hukum Kanun versi Lawas dinamakan sebagai *Old Brunei Law and Custom* terdapat dalam simpanan Muzium Sarawak dikenali dengan nama 'Naskhah Lawas',<sup>15</sup> juga dipercayai mula dilaksanakan pada abad ke-15. Terdapat juga teori lain yang mengatakan bahawa Hukum Kanun Brunei mula dilaksanakan selepas abad ke 15.<sup>16</sup> Melalui penelitian Siti Zaliha Haji Abu Salim, terdapat beberapa perbezaan antara Hukum Kanun Brunei dengan Hukum Kanun versi Lawas, antaranya peruntukan undang-undang adat berkaitan dengan perlantikan raja dan pembesar-pembesar negeri serta catatan ringkas Silsilah Raja-Raja Brunei dalam tajuk *Silsilah Orang Berbuat Raja*.<sup>17</sup> Kedua-dua naskhah ini memperlihatkan keadilan Sultan Brunei terhadap undang-undang yang sesuai dipraktikkan oleh rakyat Brunei terdiri daripada penduduk beragama Islam dan bukan beragama Islam pada ketika itu.<sup>18</sup> Ciri-ciri Hukum Kanun Brunei ini adalah berasaskan undang-undang Islam dan hukum syarak, serta terdapat juga campuran unsur-unsur adat-resam budaya Melayu.<sup>19</sup> Percampuran ini boleh dilihat apabila 23 daripada 50 Fasal Hukum Kanun Brunei ialah undang-undang Islam yang meliputi hukuman *hudud*, *qisas* dan *ta'zir* manakala 34 fasal lain ialah undang-undang adat.<sup>20</sup> Antara peruntukan kesalahan dan hukuman berasaskan Islam yang terkandung di dalam manuskrip Hukum Kanun Brunei adalah seperti berikut:

Fasal kelima dan kelapan adalah mengenai *qisas*, iaitu kesalahan membunuh dibalas bunuh.<sup>21</sup> Fasal ketujuh menyatakan hukuman bagi kesalahan mencuri ialah potong tangan.<sup>22</sup> Fasal kelapan mengenai hukum membunuh dibalas bunuh dan hukum menampar dibalas tampar. Kehormatan isteri walaupun seorang hamba adalah dijamin.<sup>23</sup> Fasal sebelas pula adalah mengenai hukum mencuri mengikut berat ringannya kesalahan tersebut, iaitu mencuri yang tidak dipotong tangan.<sup>24</sup> Fasal kedua belas menyatakan hukuman bagi muhsan yang melakukan zina adalah direjam.<sup>25</sup> Seterusnya, fasal empat puluh satu menyatakan mengenai hukum melakukan zina muhsan dan tidak muhsan, bersetubuh dengan binatang juga hukumannya seperti zina dan cara-cara membuktikannya.<sup>26</sup> Jika diperhatikan, peruntukan

<sup>8</sup> Haji Mahmud Saedon A. Othman (2002), "Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam," h. 3.

<sup>9</sup> Yura Halim, Jamil Umar (1958), *Sejarah Brunei*, Brunei: Percetakan Brunei, h. 22.

<sup>10</sup> Sweeney, P. L. Amin (1968), "Silsilah Raja-Raja Berunai," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 41, Bil. 2, h. 11.

<sup>11</sup> Haji Muhammad bin Abdul Latif (1992), "Latar Belakang Islam di Brunei," *Jurnal Darussalam*, Jil. 1, h. 128.

<sup>12</sup> Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri (1990), *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, h. 33.

<sup>13</sup> Yura Halim dan Jamil Umar (1958), *Sejarah Brunei*, Brunei: Percetakan Brunei, h. 46.

<sup>14</sup> Yura Halim dan Jamil Umar (1958), *Sejarah Brunei*, h. 46.

<sup>15</sup> Laman web rasmi Mahkamah Syariah Brunei Darussalam, diakses 20 Jun 2021, [https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article\\_view/267/226/?11=1&12=1](https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article_view/267/226/?11=1&12=1).

<sup>16</sup> Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam," *Kertas Kerja Majlis Ilmu* 2019, h. 14.

<sup>17</sup> Siti Zaliha Haji Abu Salim (1997), "Hukum kanun Brunei," *Beriga*, Jil. 54, h. 20.

<sup>18</sup> Haji Awg Asbol bin Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam," h. 11.

<sup>19</sup> Awang Mohammad Jefri bin Haji Sabli (2009), "Penganalisan Undang-Undang Pertama Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Darussalam*, Jil. 9, h. 40.

<sup>20</sup> Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam," h. 7.

<sup>21</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

<sup>22</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, h. 5-6.

<sup>23</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, h. 6.

<sup>24</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, h. 7-8.

<sup>25</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, h. 8-9.

<sup>26</sup> Haji Asri bin Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, h. 33.

mengenai zina telah jelas dibuat dalam Hukum Kanun Brunei pada fasal 12 dan fasal 41 adalah selaras dengan hukum syarak.<sup>27</sup> Semua ini jelas menunjukkan bahawa Hukum Kanun Brunei yang merupakan campuran daripada undang-undang Islam dan adat dilaksanakan di Brunei pada ketika itu.

### ***Fasa Kedua: Semasa Pemerintahan British (1847-1984)***

Pelaksanaan Hukum Kanun Brunei terus berlaku setelah British bertapak di Brunei sejak tahun 1847. Terdapat suatu insiden yang melibatkan W.H. Treacher, Pemangku Konsul General British yang berkunjung ke Brunei. Beliau dan rombongan menaiki sebuah kapal perang dan berlabuh di Sungai Brunei pada tahun 1880.<sup>28</sup> Satu insiden telah berlaku, beberapa orang pencuri telah memasuki kapal tersebut dan mencuri sebuah jam tangan dan selaras senapan.<sup>29</sup> Kejadian ini telah disembahkan oleh Treacher kepada Sultan Brunei ketika itu, iaitu Sultan Abdul Momin (1852-1885).<sup>30</sup> Beberapa hari kemudian, semasa Treacher berada di Labuan, barang-barang tersebut telah dikembalikan kepadanya dengan sepucuk surat daripada Sultan yang mengatakan bahawa pencuri-pencuri berkenaan telah ditangkap dan hukuman potong tangan telah dijatuhkan ke atas mereka.<sup>31</sup>

Selain itu, W.H. Treacher juga pernah menyaksikan hukuman bunuh dijalankan ke atas seorang pesalah di Brunei yang bernama Maidin; anak seorang pembesar yang disayangi oleh Sultan. Kesalahan yang dilakukan ialah merompak, merampas harta benda dan membunuh. Selepas dibicarakan, Maidin telah dijatuhi hukuman bunuh dengan jerutan di leher dengan tali hingga mati.<sup>32</sup> Hukuman mati ini juga membuktikan keadilan Sultan Abdul Momin sebagai seorang pemerintah Islam kerana telah menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah tanpa mengira hubungan, taraf dan kedudukan.<sup>33</sup>

Sehingga abad ke-19, Hukum Kanun Brunei masih diguna pakai dalam sistem perundangan dan pentadbiran negara. Walau bagaimanapun, pada abad tersebut, Brunei semakin terdedah pada pengaruh kuasa British yang mula campur tangan dalam urusan politik dan kenegaraan Brunei. Kuasa pemerintahan sultan dan pembesar negara pada ketika itu juga berpecah belah sehingga terjadi perang saudara akibat daripada hasutan kuasa asing tersebut.<sup>34</sup> Bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906) telah menandatangani Perjanjian Perlindungan 1888 dengan kerajaan British. Melalui perjanjian ini, kuasa penuh bagi mentadbir urusan perundangan dan kehakiman rakyat Inggeris di Brunei diberikan kepada pihak Inggeris tanpa menyentuh soal agama.<sup>35</sup>

Campur tangan British semakin meluas dalam hal ehwal perundangan dengan perjanjian tambahan di antara kerajaan British dengan Brunei yang telah ditandatangani pada 3 Disember 1905 dan 2 Januari 1906.<sup>36</sup> Melalui perjanjian ini, pihak British tidak hanya menguasai bidang perundangan dan kehakiman, bahkan menguasai urusan pemerintahan dan pentadbiran Brunei.<sup>37</sup> British telah mengatur langkah-langkah berkesan dan mengambil tindakan-tindakan yang memberi kesan mendalam dalam jangka panjang untuk menyempitkan seterusnya mengeneppikan pemakaian undang-undang Islam yang luas di Brunei. Ini termasuk memperkenalkan undang-undang personal seperti Undang-Undang Keluarga yang masih terdapat hukuman dan prosedurnya mengikut sistem perundangan Barat.<sup>38</sup> Undang-undang Islam menjadi terhad hanya perkara-perkara hukum syarak yang khusus kepada penganut agama Islam sahaja. Mahkamah-mahkamah sivil yang mempunyai bidang kuasa yang luas

<sup>27</sup> Wahbah al Zuhayli (2006), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatahu*, Jil. 1, Dimashq: Dar al-Fikr, h. 5326-5365.

<sup>28</sup> Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam," h. 13.

<sup>29</sup> Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei," h. 13.

<sup>30</sup> Sultan Brunei yang ke-24, memerintah pada sekitar TM 1852-1885. Pada masa pemerintahan baginda telah membuat perjanjian dengan James Brooke mengenai hak-hak kekuasaan antara kedua-dua belah pihak. Kemudian, baginda telah membuat perjanjian dengan Inggeris mengenai perbicaraan rakyat Inggeris yang melakukan kesalahan jenayah dan pertelingkahan di Brunei. (<http://www.history-centre.gov.bn/>).

<sup>31</sup> W. H. Treacher (1880), "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 20, h. 40.

<sup>32</sup> W.H. Treacher (1880), "British Borneo," h. 41.

<sup>33</sup> Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei," h. 76.

<sup>34</sup> Pengiran Haji Mohammad Pengiran Hj. Abd Rahman (1999), "Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam," Seminar Kepimpinan Islam Serantau Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1999, h. 12.

<sup>35</sup> Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman (2003), *Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dalam Kenangan*, Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, h. 89. Lihat juga P. H. Mohamad Abd Rahman (2007), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, h. 156.

<sup>36</sup> Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman (2006), "Negara Baru Brunei 100 Tahun Meniti Cabaran". *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III: 100 Tahun Hubungan Brunei-British (1906-2006)*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, h. 110.

<sup>37</sup> Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman (2003), *Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dalam Kenangan*, h. 89.

<sup>38</sup> Awang Haji Sawas bin Haji Jebat (1992), "Kesalahan Jenayah Zina Mengikut Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Brunei Dibandingkan dengan Undang-Undang Islam," *Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia*, h. 7.

lagi menyeluruh yang ditadbirkan dan dikendalikan oleh hakim-hakim Inggeris telah diwujudkan.<sup>39</sup> Mahkamah Kadi pula hanya dibenarkan mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan urusan perkahwinan, perceraian dan hal-ehwal ibadat sahaja.<sup>40</sup> Di bawah bidang kuasa jenayah, Mahkamah Kadi hanya diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang dendanya tidak lebih sepuluh ringgit<sup>41</sup> dan penjara tidak lebih 14 hari.<sup>42</sup> Sebagai contoh, di bawah Muhammedan Laws 1912 yang diperuntukkan dalam Seksyen 3 bahawa sesiapa yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat dikenakan denda sebanyak 50 sen jika tidak menunaikan sembahyang Jumaat setelah menerima surat amaran pertama dari Mahkamah Kadi dan masih melakukan kesalahan tersebut buat kali kedua dan seterusnya.<sup>43</sup>

Sungguhpun berhadapan dengan limitasi perundangan, usaha penggubalan undang-undang Islam giat dilaksanakan seiring dengan pertumbuhan pesat umat Islam dan perkembangan agama Islam. Maka atas inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khari Waddien (1950-1967), iaitu Sultan Brunei ke-28, Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955 telah digubal.<sup>44</sup> Undang-undang ini juga dikenali sebagai Undang-Undang No. 20/1955 yang dikuatkuasakan setahun kemudiannya, iaitu pada 1 Januari 1956.<sup>45</sup> Undang-Undang ini merupakan kompilasi beberapa undang-undang yang telah diperkenalkan secara berasingan dan berperingkat-peringkat sejak tahun 1908.<sup>46</sup> Dengan wujudnya Undang-Undang No. 20/1955 ini, maka semua undang-undang mengenai agama yang digubal sebelumnya dengan sendirinya adalah terbatal.<sup>47</sup> Sebagaimana lazimnya, undang-undang ini juga masih memerlukan kebenaran British sebelum ianya boleh berkuat kuasa pada 1 Februari 1956. Ini adalah disebabkan Brunei masih di bawah naungan British ketika itu dan kuasa pentadbiran berada di tangan orang-orang British.<sup>48</sup> Rundingan dibuat agar bidang kuasa Mahkamah Kadi untuk membicarakan dan menghukum kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam dinaikkan. Hasilnya, hukuman penjara di bawah undang-undang ini adalah tidak melebihi satu bulan atau denda tidak melebihi BND100 atau kedua-duanya sekali.<sup>49</sup>

Perundingan di antara Sultan Omar Ali Saifuddin bersama wakil British telah membuahkan hasil apabila Perlembagaan Negeri Brunei 1959 berjaya dibentuk. Ini sekaligus memansuhkan perjanjian di antara kedua negara yang dibuat pada tahun 1905 dan 1906 dan menamatkan pemerintahan sistem Residen di Brunei yang berlangsung hampir setengah abad. Kuasa pemerintahan dikembalikan kepada Sultan Brunei.<sup>50</sup>

Sejak perlembagaan diisytiharkan sehingga Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, Undang-Undang No. 20/1955 telah dipinda beberapa kali. Pada tahun 1967 jawatan Timbalan Kadi Besar telah diwujudkan dan undang-undang No. 20/1955 ini diberi nama sebagai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Mahkamah Kadi (Pindaan) 1967. Seterusnya, jawatan Merinyu Kanan, Merinyu Hal Ehwal Ugama dan Pendakwa Mahkamah Kadi juga diwujudkan dan diberi kuasa yang membolehkan Merinyu Hal Ehwal Ugama menangkap tanpa waran di bawah Bab 65, cerai (a), (b) dan (c).<sup>51</sup> Dengan adanya undang-undang ini, kedudukan pentadbiran undang-undang Islam bertambah kukuh. Mahkamah Kadi mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan perintahnya dan menghukum sesiapa saja yang mengingkarinya. Jika sebelumnya, kes seperti persetubuhan haram berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret, tetapi kini, berada di bawah Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955 dan diadili oleh Mahkamah Kadi.<sup>52</sup>

<sup>39</sup> Mahmud Saedon Othman (1996), *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26.

<sup>40</sup> Annual Report on the State of Brunei 1933, Cap XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

<sup>41</sup> Laws of Brunei, Enactment No. 1 of 1908, S. 13.

<sup>42</sup> Annual Report on the State of Brunei 1933, Cap. XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

<sup>43</sup> Muhammedan Laws (Enactment No. 1 of 1912), S. 3. Lihat juga Iik Arifin Mansurnoor (2008), "Formulating and Implementing a *Shari'a* Guided Legal System in Brunei Darussalam: Opportunity and Challenge," *Sosiohumanika*, Jil. 1, Bil. 2, h. 228 - 229.

<sup>44</sup> The State of Brunei, *Annual Report 1955*, h. 126.

<sup>45</sup> Negeri Brunei, *Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955*, 7.

<sup>46</sup> P.H. Mohammad Abd. Rahman (2007), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, h. 178.

<sup>47</sup> Negeri Brunei, *Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955*, 7.

<sup>48</sup> P. H. Mohammad Abd. Rahman (2007), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, h. 187.

<sup>49</sup> Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 (No. 20/1955), Bab 46 (2), Bab 47 (2).

<sup>50</sup> Haji Sulaiman Haji Duraman (1995), "Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Suatu Tinjauan Umum Mengenai Proses Pembentukannya," *Jurnal Darussalam*, Jil. 2, h. 151.

<sup>51</sup> P. H. Mohammad Abd. Rahman (2007), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, h. 181.

<sup>52</sup> Lihat Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 (No. 20/1955), Bab 177 (1), (2), (3) dan (4). h. 62-63.

### **Fasa Ketiga: Pasca-Kemerdekaan (1984-Sekarang)**

Peninggalan British telah menyebabkan Brunei mewarisi dua sistem perundangan dan kehakiman, iaitu syariah dan sivil.<sup>53</sup> Mahkamah-mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa yang sempit yang diperuntukkan oleh undang-undang bertulis. Mahkamah Sivil pula mempunyai bidang kuasa yang lebih luas.<sup>54</sup> Setelah Negara Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, undang-undang Brunei keseluruhannya disemak semula termasuk Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955. Beberapa pindaan telah dibuat, termasuk menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984. Pindaan ini telah membuat perubahan kepada struktur dan bidang kuasa Mahkamah Kadi.<sup>55</sup>

Pada tahun 2001, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 telah digubal dan dikuatkuasakan. Mahkamah-Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 semakan 1984 telah dijenamakan semula dengan nama baru, iaitu Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.<sup>56</sup> Melalui Akta ini juga, terdapat pindaan mengenai hukuman denda bagi kesalahan jenayah Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, denda bagi kesalahan tidak hadir sembahyang Jumaat yang pada asalnya sebanyak BND10 dalam Undang-Undang No. 20/1955 telah dinaikkan sebanyak BND100.<sup>57</sup> Ini menunjukkan bahawa Negara Brunei telah mengukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah dengan adanya peningkatan hukuman denda bagi kesalahan tersebut di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 berbanding dalam Undang-Undang No. 20/1955. Akta ini diguna pakai di Mahkamah Syariah Brunei Darussalam sehingga Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS 2013) diwartakan pada Oktober 2013.<sup>58</sup>

Perintah yang terkandung di dalam PKHJS 2013 ini juga telah menunjukkan peningkatan yang besar berbanding dengan akta yang terpakai sebelumnya, terutama sekali dari sudut hukuman. Di antara contoh perbezaan hukuman dalam kesalahan khalwat adalah di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, iaitu mana-mana lelaki Islam yang melakukan kesalahan khalwat dihukum penjara selama satu bulan atau didenda sebanyak BND1,000 dan mana-mana wanita Islam yang melakukan kesalahan khalwat dihukum penjara 14 hari atau didenda sebanyak BND500. Manakala dalam PKHJS 2013 pula memperuntukkan hukuman bagi pesalah lelaki dan wanita yang melakukan kesalahan khalwat adalah sama, iaitu denda tidak melebihi BND4,000, penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. PKHJS 2013 juga menetapkan hukuman yang sama terhadap orang yang bukan Islam yang melakukan kesalahan khalwat dengan orang Islam. Berbeza dengan akta sebelumnya yang hanya memperuntukkan hukuman terhadap orang Islam, manakala orang bukan Islam tiada peruntukan mengenainya.<sup>59</sup>

Penguatkuasaan PKHJS 2013 ini telah membuka lembaran baru dalam sistem perundangan Negara Brunei dan memberikan cabaran yang unik. Namun Kanun Hukuman Jenayah Sivil (*Penal Code*) yang diamalkan di Mahkamah Sivil Negara Brunei masih terus dikekalkan dengan elemen-elemen yang bersesuaian. Jika ada kesalahan bertindih antara kedua-dua perundangan,<sup>60</sup> penilaian akan dibuat untuk menetapkan mahkamah yang bersesuaian supaya seseorang itu tidak dibicarakan dua kali bagi kesalahan yang sama.<sup>61</sup>

<sup>53</sup> Dy Zainab binti Awg Haji Tuah (2009), "Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam," Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 62.

<sup>54</sup> Haji Mahmud Saedon A. Othman (2002), "Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam," h. 5.

<sup>55</sup> Dy Zainab binti Awg Haji Tuah (2009), "Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam," h. 4.

<sup>56</sup> Laman web rasmi Mahkamah Syariah Brunei Darussalam, diakses 3 Januari 2021, [https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article\\_view/267/226/?11=1&12=1](https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article_view/267/226/?11=1&12=1).

<sup>57</sup> Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 171.

<sup>58</sup> Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bil. S 69.

<sup>59</sup> Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bab 196 (2).

<sup>60</sup> Datin Seri Paduka Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), "Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bagi Fasa Pertama dalam Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013," Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam, 30 April 2014, h. 12-13.

<sup>61</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014). "Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013," h. 12-13.

## **Kedudukan Undang-Undang Islam di bawah Prinsip Melayu Islam Beraja**

Prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) sudah diamalkan sejak dari pemerintahan Sultan Brunei yang pertama, iaitu Sultan Muhammad.<sup>62</sup> Sebelum itu MIB dikenali sebagai *Kesultanan Melayu Islam*.<sup>63</sup> Konsep MIB ini bertujuan untuk membekalkan nilai-nilai keislaman yang murni dalam setiap aspek dan menjadi asas panduan utama dalam pembentukan peribadi, perwatakan serta identiti masyarakat dan pembangunan di Negara Brunei Darussalam.<sup>64</sup> Pada asalnya, sejarah menunjukkan bahawa kuasa pemerintahan Sultan pada awal pemerintahan di Negara Brunei dibantu oleh pembesar negara dengan berpedukan Empat Dasar Pemerintahan Tradisi, iaitu: Hukum Kanun Brunei, Syarak, Adat Istiadat dan Resam seperti yang berikut:

### ***Hukum Kanun Brunei***

Dalam penjelasan sebelum ini mengenai Hukum Kanun Brunei, pihak British mengakui dalam catatan mereka bahawa Hukum Kanun Brunei itu telah berkuat kuasa sejak dahulu lagi.<sup>65</sup> Peruntukannya berdasarkan ajaran Islam yang melibatkan perkara perkahwinan dan perceraian, kesalahan jenayah dan mahkamah, hal jual beli dan riba dan sebagainya.<sup>66</sup>

### ***Syarak***

Istilah syarak ialah ajaran Islam atau hukum syarak. Sumber utamanya ialah al-Quran dan al-Hadith.<sup>67</sup> Hukum syarak itu selain daripada menjadi panduan amalan perbuatan perseorangan, ia juga berkaitan dengan amalan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.<sup>68</sup> Sesiapa yang menyalahi amalan itu mereka akan dinilai oleh masyarakat dan akan diadili oleh mahkamah, berlandaskan prinsip hukuman Islam seperti hudud, *qisas* atau hukum takzir. Sebahagian hukum syarak itu ada terkandung di dalam Hukum Kanun Brunei.<sup>69</sup>

### ***Adat Istiadat***

Adat ialah suatu kebiasaan daripada perbuatan yang diulang-ulang dan yang telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatuhi, dan adat istiadat pula ialah berbagai-bagai adat kebiasaan.<sup>70</sup>

### ***Resam***

Resam ialah adat kebiasaan dan aturan yang menjadi adat. Gambarannya adalah seperti dalam Hukum Kanun Brunei bahawa satu-satu kesalahan yang didapati sabit akan dikenakan hukuman tertentu. Namun, jika sesuatu hukuman itu telah dijatuhkan kemudian pembesar-pembesar negara merayu kepada Sultan supaya hukuman itu diringankan atau dibatalkan, maka Sultan akan mempertimbangkan rayuan tersebut.<sup>71</sup>

Menurut Pehin Jawatan dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri, konsep MIB ada tiga jenis, iaitu kekal menjadi Negara Melayu, kekal menjadi Negara Islam, dan kekal menjadi Negara Beraja. Konsep MIB ini adalah berdasarkan hukum-hukum Islam dan dijadikan dasar atau asas rujukan negara.<sup>72</sup>

---

<sup>62</sup> Haji Sulaiman Haji Duraman (2016), "Sentiasa Membuat Kebajikan dengan Petunjuk Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Melayu Islam Beraja," dalam Haji Sulaiman Haji Duraman (ed.), *Melayu Islam Beraja Satu Interpretasi*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 57.

<sup>63</sup> Haji Tassim bin Haji Abu Bakar Pengarah (2019), "Hukum Kanun Brunei Hubungannya dengan Konsep Melayu Islam Beraja," *Kertas Kerja Majlis Ilmu* 2019, h. 6.

<sup>64</sup> Haji Hashim Haji Abdul Hamid (1992), "Melayu Islam Beraja Satu Kesenambungan Sejarah Brunei," *Jurnal Darussalam*, Jil. 1, h. 83-85.

<sup>65</sup> Haji Mahmud Saedon Awang Othman (1996), *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam Satu Tinjauan*, h. 26.

<sup>66</sup> Haji Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

<sup>67</sup> Hajah Sa'adiyah Datu Derma Wijaya Haji Tamit (2006), "Sejarah Perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam," h. 105.

<sup>68</sup> Haji Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, h. 12.

<sup>69</sup> Haji Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, h. 12.

<sup>70</sup> Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, h. 10.

<sup>71</sup> Haji Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, h. 13.

<sup>72</sup> Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri (1998), *Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, h. 9.

Kini, falsafah MIB diteruskan dan telah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan pengisytiharannya secara rasmi hanya dilakukan semasa pencapaian kemerdekaan Brunei oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Januari 1984. Baginda bertitah:

Negara Brunei Darussalam dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu wa Taala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja, merdeka, berdaulat dan demokratik berasaskan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan.<sup>73</sup>

Selain itu, dalam petikan titah KDYMM ada dihuraikan kefahaman yang mendalam berkenaan MIB:

Dari tiga rangkai kata Melayu Islam Beraja, terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya... Demikian juga Islam, ialah ugama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa jua ugama, suku kaum dan keturunan... Sementara perkataan Beraja pula, adalah menunjukkan kepada Kerajaan yang bersultan atau beraja, yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman semenjak dari beberapa abad lagi.<sup>74</sup>

Tiga komponen di dalam MIB itu saling bersandar di antara satu dengan yang lain. Islam merupakan komponen yang mengikat di antara Melayu dan sistem beraja. Istilah Islam dalam MIB memberi pengertian yang Negara Brunei Darussalam adalah sebuah kerajaan Islam, menjadikan Islam sebagai agama negara mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan berpegang kepada Mazhab Imam Syafi'i. Islam menjadi teras dalam peraturan dan undang-undang yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam titah, Baginda Sultan menekankan tentang akhlak dan pergaulan yang bercirikan rakyat Brunei:

...dari sifat-sifat kemelayuan Brunei itu tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada acara bergaulnya, cara berfikir dan bertindakya. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang, bergaul cara orang, berfikir dan bertindak cara orang. Kerana keempat-empat unsur ini apabila sudah melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei.<sup>75</sup>

Sebagai sebuah negara Kesultanan Melayu Islam, Brunei telah memilih corak pemerintahan negara beraja sejak mula mengenal ajaran Islam secara rasmi. Salah satu faktor yang menyebabkan keutuhan sistem beraja ini adalah kerana wujudnya kesatuan dan perpaduan di hati rakyat Brunei sendiri.<sup>76</sup> Ketaatan pada titah perintah seperti penutupan premis-permis perniagaan di seluruh negara pada setiap hari Jumaat, bagi membolehkan masyarakat Islam menunaikan sembahyang Jumaat, telah diterima baik oleh rakyat Brunei.<sup>77</sup>

Sultan sebagai individu tertinggi dalam struktur pentadbiran di Brunei bukan sahaja menjadi ketua negara, tetapi menjadi ketua agama Islam serta pemutus dasar-dasar negara.<sup>78</sup> Dengan adanya perundangan Islam di Negara Brunei, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan PKHJS 2013 yang telah menjadi undang-undang di negara ini, ianya sesuai dengan konsep MIB bagi mengukuhkan pembangunan negara dalam usaha mempertahankan Islam terhadap pentadbiran negara dan sistem kehakiman.

<sup>73</sup> Haji Mohd Zain bin Haji Serudin (2013), *Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

<sup>74</sup> Petikan Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan puja usia Baginda ke-44 tahun di Daerah Belait pada 21 Julai 1990 bersamaan 28 Zulhijah 1410H.

<sup>75</sup> Petikan Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam pada hari Isnin 1 Oktober 1990 bersamaan dengan 12 Rabiulawal 1411H.

<sup>76</sup> Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (1992), *Islam di Brunei Darussalam zaman British (1774-1984)*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 192-193.

<sup>77</sup> Muhammad Hadi Md Melayong (2014), "Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam," *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Jil.7, Bil. 1, h. 6.

<sup>78</sup> Mohd Fadli Ghani (2018), "Kesultanan Brunei: Pemerintahan dan Pelaksanaan Syariat," *Pusat Penyelidikan PAS*, diakses 21 Ogos 2022, <https://berita.pas.org.my/kesultanan-brunei-pemerintahan-dan-perlaksanaan-syariat/>.



## **Pembentukan Undang-Undang Jenayah Syariah: Dari Hukum Kanun Brunei kepada Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**

Sejak berabad lamanya, Negara Brunei telah menggunakan pakai beberapa undang-undang dalam sistem kenegaraan. Jika dilihat kronologi pembentukan Undang-Undang Jenayah Syariah di Brunei sehingga terlaksananya PKHJS 2013, didapati bahawa perjalanan sejarahnya adalah amat panjang.

### ***Hukum Kanun Brunei***

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, *Hukum Kanun Brunei* mengandungi undang-undang Islam namun masih terdapat unsur-unsur hukum adat Melayu dalam sebilangan kandungannya. Ianya terus berfungsi dalam sistem pentadbiran di Brunei sehingga tahun 1912 dan digantikan dengan Muhammedan Laws 1912.<sup>79</sup>

### ***Enakmen (No. 1/1912) atau Muhammedan Laws 1912***

Undang-undang ini adalah undang-undang bertulis yang pertama selepas sistem Residen diperkenalkan. Dengan tergubalnya undang-undang ini, bermulalah sistem perundangan dualisme di antara undang-undang Kanun Brunei yang bercorak tradisi dengan undang-undang moden yang diperkenalkan oleh Residen British.<sup>80</sup> Namun undang-undang ini hanya dikhususkan untuk orang-orang Islam sahaja setelah ianya diluluskan pada tahun 1911 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1912,<sup>81</sup> iaitu sewaktu zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam II memerintah (1906-1924).

### ***Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955***

Satu penggubalan pentadbiran undang-undang syarak yang terakhir berlaku pada tahun 1955, iaitu sebelum Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada tahun 1959 yang dinamakan Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955. Dengan berkuatkuasanya Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 pada 1 Februari 1956<sup>82</sup>, Mahkamah Kadi telah diasingkan daripada struktur Mahkamah Brunei. Menjadi Mahkamah yang tersendiri dan mempunyai pentadbirannya tersendiri. Undang-undang ini telah membatalkan Undang-Undang Islam, iaitu Enakmen No.1 Tahun 1912.

Selepas itu, pada tahun 1960, Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 dipinda namanya menjadi Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 berikutan dengan terpisahnya Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat.<sup>83</sup>

Kemudian pada tahun 1984, apabila Undang-Undang Brunei keseluruhannya disemak semula, maka Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955 juga turut disemak dengan membuat beberapa pindaan kecil dan menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

### ***Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77***

Tidak banyak perubahan dibuat ke atas kandungan Undang-Undang ini kecuali beberapa pindaan kecil telah dibuat, antaranya dengan menambah satu bahagian mengenai murtad (keluar dari agama Islam).<sup>84</sup> Melalui akta ini juga, Mahkamah Syariah hanya membicarakan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Islam sahaja. Manakala kesalahan yang dilakukan oleh orang yang bukan Islam warganegara Brunei dibicarakan di Mahkamah Majistret menurut Undang-Undang Jenayah.<sup>85</sup>

Pindaan yang paling ketara dalam akta ini ialah hukuman denda bagi kesalahan jenayah Mahkamah Syariah. Contohnya, denda bagi kesalahan tidak hadir sembahyang Jumaat sebanyak sepuluh ringgit

<sup>79</sup> Pengiran. Haji Mohammad Pengiran Hj. Abd Rahman (1999), "Kepimpinan Islam Mengikuti Pengalaman Negara Brunei Darussalam," h. 6.

<sup>80</sup> Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut (2018), "ENAKMEN 1912: Satu Tinjauan Awal," diakses 21 Julai 2022, <http://www.history-centre.gov.bn/Download/ENAKMEN%201912.pdf>.

<sup>81</sup> Laws of Brunei 1906-1930. Enactment No. 1 of 1912, S. 8. Undang-undang ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 1912. Peruntukan dalam Undang-Undang ini adalah mengenai kesalahan-kesalahan ibadat dan peraturan keluarga khususnya mengenai hal-hal pernikahan dan perceraian orang-orang Islam

<sup>82</sup> The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei 1957, h. 488.

<sup>83</sup> Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955, (Amendments) Enactment No. 1 /1960.

<sup>84</sup> Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 48 (1) (2).

<sup>85</sup> Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 194 – Bab 195.

telah meningkat seratus ringgit. Ini menunjukkan peningkatan sepuluh kali ganda berbanding dengan Undang-Undang No. 20/1955. Walau bagaimanapun hukuman penjara tiada sebarang perubahan.

### **Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013**

Bagi menjunjung dan mendukung hasrat Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (1967-sekarang) ke arah melaksanakan undang-undang Syariah di negara Brunei, Baginda telah berkenan menguatkuasakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada 1 Mei 2014.<sup>86</sup> Ini adalah peruntukan undang-undang jenayah dan hukuman Islam berdasarkan hukum syarak dan berdiri sama taraf dengan undang-undang sivil di negara Brunei.<sup>87</sup>

Sebelum PKHJS 2013 ini diperkenankan, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah bertitah mengenai hasrat Baginda untuk memelihara ajaran-ajaran Islam, sekaligus menyelaraskan undang-undang negara berlandaskan hukum syarak sejak dari tahun 1984.<sup>88</sup>

Melalui titah Baginda sempena pembukaan rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 18 Mac 1984, Baginda berhasrat untuk terus memelihara ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah sebagai suatu cara hidup dan landasan dalam pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Salah satu usaha yang dilaksanakan untuk mempersaingkan undang-undang Negara dengan kehendak hukum Islam dan hukum syarak.<sup>89</sup> Baginda seterusnya memperkenankan penubuhan mahkamah-mahkamah syariah bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga mengendalikan perundangan jenayah Islam (*Qanun Jina'-i Islam*) seperti yang dituntut oleh Allah SWT.<sup>90</sup> Usaha kerajaan Baginda juga diteruskan dengan mengkanunkan beberapa undang-undang baru hasil kerjasama Majlis Ugama Islam dengan pelbagai pihak termasuk Pejabat Peguam Negara.<sup>91</sup>

Dalam titah Baginda sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 15 Mac 2011, Baginda berhasrat untuk mempunyai dua sistem perundangan yang pelaksanaannya berjalan seiring. Titah Baginda: "Pada hemat Beta, dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring..."<sup>92</sup> Kemudian dalam titah Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei pada 10 Oktober 2011, titah Baginda lagi: "Beta tetap percaya, sebagaimana pernah Beta titahkan di persidangan Majlis Ugama Islam Brunei Mac yang lalu, bahawa dua-dua sistem perundangan syarak dan sivil ini tidak ada masalah, kalau ianya berjalan seiring."<sup>93</sup>

Seterusnya pada 13 Oktober 2011 bersempena Majlis Pelancaran Seminar Antarabangsa Undang-Undang Islam, Baginda menitah seperti berikut:

Siapalah kita di hadapan Allah untuk berkata tidak atau tunggu dulu, sedang undang-undang bukanlah baru digubal tetapi telah termaktub di dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis, semenjak dari seribu empat ratus tahun lagi...kerana itu, beta amatlah terpanggil tanpa sebarang keraguan, untuk melihat satu akta Undang-Undang Jenayah Syarak wujud dan dilaksanakan...<sup>94</sup>

<sup>86</sup> Bolhassan Haji Abu Bakar dan Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman (2014), "Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 berkuat kuasa 1 Mei 2014," *Pelita Brunei*, diakses 21 Julai 2022, [https://www.pelitaibrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/Mei/pelitaibrunei\\_030514.pdf](https://www.pelitaibrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/Mei/pelitaibrunei_030514.pdf).

<sup>87</sup> Haji Zuneidy Jumat (2019), "Juvana Dari Perspektif Sistem Perundangan Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis," *International Journal of Law, Government and Communication*, Jil. 4, h.14.

<sup>88</sup> Dy Zainab Awg Haji Tuah (2009), *Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam*, h. 63-64.

<sup>89</sup> Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam sempena pembukaan rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 18 Mac, 1984 bersamaan 15 Jamadilakhir 1404H, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>90</sup> Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan Baginda yang ke 50 tahun di balai singgahsana Istana Nurul Iman pada 15 Julai 1996 bersamaan 29 Safar 1417H, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>91</sup> Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut awal tahun baru Hijrah 1422 pada 25 Mac 2001 bersamaan 29 Zulhijah 1421H, dikases 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>92</sup> Petikan Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 15 Mac 2011 bersamaan 10 Rabiulakhir 1432H.

<sup>93</sup> Petikan Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei pada 10 Oktober 2011 bersamaan 12 Zulkaedah 1432H, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>94</sup> Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis

Kandungan titah ini bertujuan supaya Negara Brunei Darussalam melaksanakan Undang-Undang Islam tanpa mengetepikan Undang-Undang Sivil. Pada 15 Julai 2012, bersempena Majlis Puja Usia Baginda yang ke 66 tahun, PKHJS mula diperkenalkan di dalam titah Baginda yang berbunyi: "...Beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah untuk dilaksanakan di Negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau takzir atau seakan-akan takzir akan terus juga diguna-pakai mengikut keperluan."<sup>95</sup>

Pewartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah telah diumumkan di dalam titah Baginda sempena Perasmian Majlis Ilmu 2013 sempena hari Keputeraan Baginda yang ke 67 tahun pada 22 Oktober 2013: "Dengan izin Allah jua, Akta Perintah ini, pada hari ini 22 Oktober 2013 mula digazetkan dan akan mula berkuatkuasa enam bulan selepasnya secara berfasa."<sup>96</sup>

Pada 30hb April 2014, Negara Brunei Darussalam telah menempa sejarah apabila pengisytiharan penguatkuasaan PKHJS 2013 telah dikuatkuasakan oleh Baginda di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam. Pengisytiharan tersebut menandakan bermulanya PKHJS 2013 berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 dengan fasa pertama, yang kemudian akan diikuti dengan fasa selanjutnya.<sup>97</sup>

Apabila diteliti titah-titah Baginda sejak tahun 1984 sehingga pewartaan PKHJS 2013 di Negara Brunei Darussalam, hasrat Baginda bagi merealisasikan penguatkuasaan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam diatur dalam masa yang begitu lama. Visi Baginda agar negara ini mempunyai sistem sivil dan sistem syariah berjalan seiring dan dibuat dengan penuh bijaksana secara berperingkat dan berfasa.

Dalam PKHJS 2013 peruntukannya meliputi lima Bahagian dan empat penggal daripada Bahagian Empat memperuntukkan jenayah hudud, qisas, diat dan takzir yang dibicarakan di Mahkamah Syariah setelah berkuatkuasanya Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah 2018 pada 1 Januari 2019 (Selepas ini dirujuk sebagai PKPJMS 2018). Perintah ini memperuntukkan prosedur siasatan, percabaran dan pelaksanaan hukuman ke atas pelaku yang melakukan kesalahan di bawah PKHJS 2013.<sup>98</sup> Perlaksanaan PKPJMS, 2018 memansuhkan beberapa peruntukan prosedur jenayah dalam Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggali 77) dan tidak lagi merujuk peruntukan tambahan di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggali 7).<sup>99</sup>

### **Perkembangan Peruntukan Kesalahan Jenayah di Bawah PKHJS 2013**

Dalam mengukuhkan lagi pelaksanaan undang-undang Islam di negara Brunei, kerajaan telah mewartakan PKHJS 2013 yang memberikan kuasa pada Mahkamah-Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan hukuman berlandaskan undang-undang syariah dengan peruntukan yang lebih luas daripada akta yang diguna pakai sebelum ini.<sup>100</sup>

---

Perasmian Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Tahun 1432 Hijrah / 2011 pada 13 Oktober 2011 bersamaan 15 Zulkaedah 1432H Masihi bertempat di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa (Bridex), diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>95</sup> Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 15hb. Julai, 2012 bersamaan 25hb. Syaaban, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>96</sup> Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Perasmian Majlis Ilmu 2013 sempena hari Keputeraan Baginda yang ke 67 tahun pada 22 Oktober 2013 bersamaan 17 Zulhijah 1434H, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>97</sup> Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 pada 30hb April, 2014 bersamaan 30hb. Jamadilakhir, 1435H, diakses 26 April 2021, <http://www.jpm.gov.bn/Lists/TITAH>.

<sup>98</sup> Warta Kerajaan, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018, Bil. S 9.

<sup>99</sup> Haji Zuneidy Jumat (2019), "Juvana Dari Perspektif Sistem Perundangan Negara Brunei Darussalam," h. 52.

<sup>100</sup> Zurairatul Zakiah DSS Haji Rajid (2021), "Analisis Prosedur Jenayah Sariqah Menurut Syariah dan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam," Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, h. 37-39. Lihat juga Dy Zainab Awg Haji Tuah (2009), "Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam," h. 43.

Sebagai kesannya, bidang kuasa Mahkamah Syariah bukan hanya setakat dalam hal pernikahan dan perceraian serta muamalat, malahan juga melibatkan kesalahan jenayah hudud, qisas dan takzir dengan kadar hukuman yang lebih tinggi dari peruntukan sebelumnya.<sup>101</sup>

Selain daripada peruntukan hukuman hudud dan qisas, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam memperuntukkan hukuman denda dan penjara bagi kesalahan-kesalahan am serta kesalahan yang tidak dapat disabitkan dengan hukuman hudud. Walau bagaimanapun, hukuman sebat diperuntukkan bagi kesalahan *hadd* zina (*ghairu muhshan*), *qazaf*, meminum minuman memabukkan dan kesalahan yang tidak dapat disabitkan dengan hukuman hudud serta kesalahan-kesalahan am yang melibatkan orang Islam yang membuat dakwaan palsu<sup>102</sup> seperti mengisytiharkan dirinya sebagai Imam Mahdi dan orang bukan Islam yang menghina Nabi, mempermainkan ayat al-Quran dan juga al-Hadith<sup>103</sup> termasuk bagi yang bersubhat atas kesalahan-kesalahan tersebut juga akan dihukum dengan hukuman sebat.

### **Perkembangan Hukuman di bawah PKHJS 2013**

Hukuman Fasa 2 dan 3 termasuk hukuman mati telah mula dilaksanakan sepenuhnya di Mahkamah Syariah Negara Brunei bermula pada 3 April 2019. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada kes hudud yang dibicarakan kecuali terdapat beberapa kes kesalahan *sariqah* (mencuri) yang telah dijatuhkan hukuman takzir (penjara) dan satu kes menyebabkan kecederaan *qisas* yang dijatuhkan hukuman *arsy* BND91,000 (1/3 diat) dan penjara lima tahun.<sup>104</sup> Juga terdapat beberapa kes kesalahan *sariqah* (curi) terhadap pesalah wanita, di mana pesalah telah dijatuhkan hukuman takzir, iaitu hukuman denda sebanyak BND3,000 atau dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda. Manakala bagi pesalah yang di bawah umur, dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun.<sup>105</sup>

Dalam hal ini, walaupun PKHJS 2013 telah dikuatkuasakan sepenuhnya di negara ini, namun Kanun Hukuman Jenayah masih lagi berkuat kuasa dan kesnya dibicarakan oleh Mahkamah Sivil. Oleh itu, terdapat banyak pertindihan kesalahan seperti kesalahan curi, peruntutannya terdapat dalam kedua-dua undang-undang ini. Sehubungan itu, penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Mantan Peguam Negara Brunei Darussalam dalam ceramah khas beliau pada 30 April 2014 menyatakan mengenai kes pertindihan kesalahan ini.<sup>106</sup>

Di antara penjelasannya seperti yang terkandung dalam teks ceramah khas beliau adalah bagi kesalahan-kesalahan yang bertindih (Kesalahan di bawah bidang kuasa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil) adalah seperti berikut:

(i) Penyiasatan: Penyiasatan kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil seperti curi, rompak, bunuh, melakukan kecederaan dan rogol akan, seperti pada masa sekarang, dilaporkan dan disiasat oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dengan dibantu oleh Unit Penguatkuasa Agama dan agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-Undang lain, jika berkenaan.

(ii) Penilaian Keterangan: Setelah penyiasatan selesai dijalankan, kertas siasatan akan dikemukakan bagi penelitian Pendakwa Raya dengan dibantu oleh Ketua Pendakwa Syarie jika perlu. Penilaian akan dibuat sama ada terdapat keterangan yang mencukupi bagi membuktikan kesalahan-kesalahan di bawah PKHJS 2013 atau jika suspek ingin membuat pengakuan salah secara *iqrar* menurut Perintah Keterangan Mahkamah Syariah dan PKPJMS 2018.<sup>107</sup> Dalam hal yang sedemikian, kes tersebut akan dipindahkan ke Mahkamah Syariah. Tetapi jika sebaliknya, pendakwaan akan diteruskan di bawah Penal Code di Mahkamah Sivil.

<sup>101</sup> Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

<sup>102</sup> Warta Kerajaan, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, bil. S 69, Bab 206.

<sup>103</sup> Warta Kerajaan, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bab 221, h. 2.

<sup>104</sup> Tun Abdul Hamid Mohamad (2020), "Development of the Implementation of Hudud in Brunei," *Islam and Civilisational Renewal*, Jil. 11, Bil. 2, h. 193.

<sup>105</sup> Hasil sumber maklumat daripada Pegawai Bahagian Pendakwaan Syarie, Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam pada 8 Ogos 2020.

<sup>106</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), "Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013," h. 12-13.

<sup>107</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), "Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013," h. 12.

Beliau juga menerangkan bahawa PKHJS 2013 akan terpakai jika cukup syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak yang mempunyai piawaian pensabitan amat tinggi, iaitu tanpa keraguan (*beyond doubt*). Oleh itu, proses penyiasatan dan pendakwa awal bagi jenayah-jenayah yang “overlapping” (bertindih) yang ada dalam Kanun Hukuman Jenayah (Penal Code) dan PKHJS 2013 adalah seperti yang berjalan sekarang.<sup>108</sup> Penilaian awal akan dibuat untuk menetapkan Mahkamah yang bersesuaian supaya seseorang itu tidak dibicarakan dua kali bagi kesalahan serupa (*double jeopardy*).<sup>109</sup> Dengan ini, mana-mana kes jenayah yang bertindih tersebut akan dinilai terlebih dahulu elemen-elemen yang bersesuaian terhadap setiap mahkamah.

### **Perkembangan Bidangkuasa Mahkamah Syariah Selepas PKHJS 2013**

Sekitar dua dekad yang lampau, Mahkamah Syariah pada masa itu tidak mempunyai bidang kuasa asal. Namun pada masa kini, Mahkamah Syariah Brunei mempunyai bidang kuasa yang lebih luas terutama setelah PKHJS 2013 dilaksanakan.

Antara bidang kuasa Mahkamah Syariah Brunei Darussalam pada masa kini ialah Mahkamah Rendah Syariah Brunei Darussalam membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang hukuman dendanya tidak melebihi BND10,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>110</sup> Mahkamah juga membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah PKHJS 2013 jika hukuman maksimum tidak melebihi BND28,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali, dan sebat.<sup>111</sup> Manakala bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah pula membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dalam undang-undang bertulis yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah, undang-undang keluarga Islam atau undang-undang bertulis lain yang memberi Mahkamah Tinggi Syariah bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan. Mahkamah Tinggi Syariah juga diberi kuasa untuk mendengar rayuan-rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah.<sup>112</sup>

Bagi kesalahan-kesalahan am seperti khalwat, perbuatan tidak sopan, makan dan minum waktu siang hari bulan Ramadan dan lain-lain kesalahan am dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah. Manakala bagi kesalahan hudud (*sariqah*, *hirabah*, *zina*, *irtidad*) dan *qisas* termasuk kesalahan-kesalahan takzir yang tidak boleh disabitkan dengan hudud dan *qisas* dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah.<sup>113</sup>

Di samping itu, bidang kuasa Mahkamah Syariah Brunei pada masa sekarang juga boleh membicarakan kesalahan jenayah terhadap orang yang bukan Islam berbanding dengan bidang kuasa sebelumnya dengan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam PKHJS 2013.

### **Kesimpulan**

Selepas 37 tahun merdeka daripada penjajahan, Brunei tiada lagi halangan untuk melaksanakan undang-undang kesalahan jenayah syariah secara menyeluruh. Bukti sudah jelas bahawa undang-undang Islam telah lama diamalkan di negara Brunei serta penghukuman kesalahan jenayah di awal pemerintahan Islam adalah berdasarkan hukum syarak. Terdapat juga bukti bahawa pemerintahan sultan Brunei sebelum ini telah menggunakan undang-undang Islam untuk menegakkan keadilan bagi kesalahan kes jenayah.

Walaupun ketika kedatangan British telah ada campur tangan urusan mereka dengan undang-undang di Brunei sehingga memberikan kesan terhadap pemakaian undang-undang Islam di Brunei, namun dengan amalan konsep MIB, negara Brunei berjaya mempertahankan amalan perundangan Islam secara

<sup>108</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), “Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013,” h. 13.

<sup>109</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), “Ceramah Khas Penerangan Mengenai Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013,” h. 12-13.

<sup>110</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2016), *15 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah: Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Percetakan Kerajaan, h. 27.

<sup>111</sup> Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2016), *15 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah*, h. 27.

<sup>112</sup> Lihat Bab 15, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184, Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998.

<sup>113</sup> Lihat jadual kesalahan-kesalahan di bawah PKHJS, 2013 (S69/2013), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018, Bil. S.9, h. 278-344.

berperingkat sehingga terlaksana PKHJS 2013 yang menjadi undang-undang negara pada masa ini. Semua ini adalah hasil daripada usaha dan perjuangan pemerintahan para Sultan Brunei dalam usaha mengekalkan ajaran Islam sebagai dasar amalan kehidupan serta undang-undang negara.

Di samping itu, peruntukan undang-undang di Mahkamah Syariah pada masa kini juga memperlihatkan peningkatan kadar hukuman denda dan penjara bagi kesalahan am daripada sebelumnya. Kebiasaannya, tidak semua hukuman yang dikenakan oleh pihak Mahkamah Syariah terhadap pesalah dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan ketidaksempurnaan bukti untuk mensabitkan kesalahan yang boleh mempengaruhi keputusan mahkamah. Oleh itu, kerjasama antara Mahkamah Syariah dengan agensi-agensinya yang terlibat dalam penyiasatan dan pendakwaan mesti dipertingkatkan dan diperkukuhkan untuk memantapkan sistem undang-undang jenayah Syariah dengan sempurna sekaligus mengurangkan kadar jenayah syariah di negara Brunei.

Apa yang jelas ialah peruntukan kesalahan jenayah diawal pemerintahan Islam adalah selaras dengan hukum syarak dan mempunyai pengaruh hukum adat pada awalnya. Campur tangan penguasa British telah menyempitkan bidang kuasa dan kuasa Sultan. Dengan komitmen untuk menegakkan Islam, Sultan-sultan telah berjaya mempertahankan undang-undang Islam sebagai dasar negara hingga terlaksananya Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 yang menggunakan peruntukan undang-undang Islam sepenuhnya. Penghayatan terhadap prinsip MIB yang diamalkan sejak dulu juga membantu mempertahankan undang-undang Islam di Brunei hingga kini.

## **Rujukan**

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

al Zuhaylī, Wahbah (2006), *Al-Fiqh Al-Islāmī Wa Adillatahu*, Jil. 7, Dimashq: Dār al-Fikr.

Annual Report on the State of Brunei 1933, cap. XIII, T.F. Carey M.C.S., Singapore.

Awang Haji Sawas Haji Jebat (1992), “Kesalahan Jenayah Zina Mengikut Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Brunei Dibandingkan dengan Undang-Undang Islam,” Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Awang Ismail Haji Awang Nordin (2013), “Perjanjian 1888: Suatu Harapan dan Kekecewaan,” dalam Haji Rosli Haji Ampal dan Salina Haji Jaafar (ed.), *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III: 100 Tahun Hubungan Brunei–British (1906–2006)*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 85-106.

Awang Mohammad Jefri Haji Sabli (2009), “Penganalisan Undang-Undang Pertama Negara Brunei Darussalam,” *Jurnal Darussalam*, Jil. 9, 24-56.

Bolhassan Haji Abu Bakar dan Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman (2014), “Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 berkuat kuasa 1 Mei 2014,” *Pelita Brunei*, diakses 21 Julai 2022, [https://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/Mei/pelitabrunei\\_030514.pdf](https://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/Mei/pelitabrunei_030514.pdf).

Datin Dr. Hajah Sa’adiyah Datu Derma Wijaya Haji Tamit (2006), “Sejarah Perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam,” *Jurnal Darussalam*, Jil. 6, 101-121.

Datin Seri Paduka Hajah Hayati Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh (2014), “Ceramah Khas Penerangan Mengenai dengan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bagi Fasa Pertama dalam Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013,” Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam, 30 April 2014.

Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Haji Mahmud Saedon A. Othman (2002), “Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam,” *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, Jil. 2, Bil. 2, 1-18.

Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman (2003), *Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dalam Kenangan*, Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut (2018), "ENAKMEN 1912: Satu Tinjauan Awal," diakses 21 Julai 2022, <http://www.history-centre.gov.bn/Download/ENAKMEN%201912.pdf>.

Dy Zainab Awg Haji Tuah (2009), "Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam," Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman (2006) "'Negara Baru' Brunei 100 Tahun Meniti Cabaran," Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei 111 anjuran Pusat Sejarah Brunei.

Haji Asri Haji Puteh (2003), *Hukum Kanun*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Awg Asbol Haji Mail (2019), "Hukum Kanun Brunei: Isu dan Peranannya Memperkasakan Perundangan Islam," Kertas Kerja Majlis Ilmu 2019.

Haji Hashim Haji Abdul Hamid (1992), "Melayu Islam Beraja Satu Kesenambungan Sejarah Brunei," *Jurnal Darussalam*, Jil. 1, 77-87.

Haji Muhammad Abdul Latif (1992), "Latar Belakang Islam di Brunei," *Jurnal Darussalam*, Jil. 1, 111-139.

Haji Sulaiman Haji Duraman (2016), "Islam Sebagai Cara Hidup: Pengalaman Negara Brunei Darussalam," dalam *Melayu Islam Beraja Satu Interpretasi*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Tassim Haji Abu Bakar Pengarah (2019), "Hukum Kanun Brunei Hubungannya dengan Konsep Melayu Islam Beraja," Kertas Kerja Majlis Ilmu 2019.

Haji Zuneidy Jumat (2019), "Juvana dari Perspektif Sistem Perundangan Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis," *International Journal of Law, Government and Communication*, Jil. 4. Bil.14, 50-65.

Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam 2016.

Laws of Brunei, Enactment No. 1 of 1908.

Mohd Fadli Ghani (2018), "Kesultanan Brunei: Pemerintahan dan Perlaksanaan Syariat," *Pusat Penyelidikan PAS*, dikemas kini 21 Julai 2018, <https://berita.pas.org.my/kesultanan-brunei-pemerintahan-dan-perlaksanaan-syariat/>.

Muhammad Hadi Md Melayong (2014), "Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam," *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Jil.7, Bil.1, 55-64.

Nani Suryani Hj. Abu Bakar dan Hj Awg Asbol Hai Mail (2018), "Sumber Sejarah Brunei di *The National Archives*, United Kingdom," *Jurnal Darussalam*, Jil. 18, 7-24.

Negeri Brunei, Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955.

P.H. Mohammad Abd. Rahman (2011), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774 – 1984)*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri (1998), *Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Mohd Zain bin Haji Serudin (2013), *Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md Zain Haji Serudin (1988), *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengiran Dr. Haji Mohammad Pengiran Hj. Abd Rahman (1999), “Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam,” Seminar Kepimpinan Islam Serantau Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Pengiran Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan (2011), *Mahkamah-Mahkamah Syariah Penubuhan, Bidang Kuasa, dan Pentadbiran*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955, (Amendments) Enactment No. 1 /1960.

The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei 195 The State of Brunei, *Annual Report 1955*.

Treacher, W. H. (1880), “British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo,” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 20, 13-74.

Tun Abdul Hamid Mohamad (2020), “Development of the Implementation of Hudud in Brunei,” *Islam and Civilisational Renewal*, Jil. 11, Bil. 2, 193-203.

Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018, S.3.

Warta Kerajaan, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Bil. S 69.

Yura Halim dan Jamil Umar (1958), *Sejarah Brunei*, Brunei: Percetakan Brunei.

Zurairatul Zakiah DSS Haji Rajid (2021), “Analisis Prosedur Jenayah Sariqah Menurut Syariah dan Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.